

Sirah Nabi jadi panduan

Oleh TALIB SAMAT

U.M

30/3/07 M/S 10

mencintai buku di kalangan pengunjung masjid dan umat Islam.

Sirah, biografi atau sejarah hidup Nabi Muhammad s.a.w cukup banyak ditulis oleh penulis Islam dalam bahasa Melayu, Inggeris, Arab, Tamil sejak dulu sehingga sekarang sebagai tanda ingatan dan kasih sayang umat Islam terhadap Baginda.

Di antara buku sirah Rasulullah s.a.w yang ditulis dalam bahasa Melayu ialah *Muhammad Rasulullah: Makhlik Pilihan dan Rasul Contoh* (1995) oleh Abdullah Al-Qari Salleh; *Sirah Rasulullah s.a.w Penghulu Para Anbiya A.S* (1994) oleh Abdullah A.M; *Sirah Nabi Muhammad s.a.w (Zaman Makkah)* oleh Mahayuddin Yahya; *Keistimewaan Rasulullah s.a.w* oleh Mohd. Taib Azamuddin (1986); *Sejarah dan Perjuangan Nabi Muhammad* Jilid 1-10 oleh Zainal Arifin Abbas (1968-1991) dan sebagainya. Di samping itu Sasterawan Negara, Datuk A.Samad Said menulis sirah Rasulullah s.a.w dalam bentuk puisi berjudul *Al-Amin* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Buku sirah Rasulullah s.a.w yang ditulis dalam bahasa Inggeris juga cukup banyak. Di antaranya termasuklah *The Living Thoughts of the Prophet Mu-*

12 Rabiulawal dirayakan setiap tahun di seluruh Malaysia mahupun di seluruh dunia sempena tarikh kelahiran Nabi Muhammad s.a.w.

Maulidur Rasul adalah acara Baginda yang diadakan setiap tibanya tarikh 12 Rabiulawal atau sepanjang bulan Rabiulawal dan Rabiulakhir.

Sesungguhnya setiap umat Islam pada setiap peringkat amat bergembira dengan kedatangan sambutan Maulidur Rasul itu. Tiap umat Islam sebenarnya dianugerah rahmat dengan kedatangan Nabi Muhammad s.a.w dan itulah sebabnya sirah hidup sentiasa seronok didengar daripada penceramah atau dibaca daripada buku-buku sirah atau sejarah hidup Rasulullah s.a.w.

Sempena sambutan Maulidur Rasul biasanya diadakan pengkisahan semula sirah atau sejarah perjuangan hidup Rasulullah s.a.w. di masjid-masjid, surau, institusi masyarakat dan sebagainya untuk diulang kaji oleh umat Islam.

Secara tradisinya ahli jawatankuasa masjid atau badan agama masjid atau institusi menjemput atau memanggil penceramah agama tersohor, kadi, to-



MASJID Nabawi di Madinah, di mana Rasulullah s.a.w. mengasas pemerintahan Islam.

Tiap umat Islam sebenarnya dianugerah rahmat dengan kedatangan Nabi Muhammad

kon akademik dan cendekiawan Islam untuk bercakap tentang kisah-kisah hidup Rasulullah yang tentunya dikaitkan dengan isu semasa sekali gus berkait rapat dengan masalah hidup umat Islam hari ini.

Dalam hal ini, ada sebuah masjid iaitu Masjid Tun Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya, Selangor pernah membuat kelainan sewaktu merayakan sambutan Maulidur Rasul pada 28 September 1994.

Masjid tersebut pernah mengadakan sesi pameran buku mengenai Riwayat Hidup Sirah Rasulullah s.a.w dan memamerkan lebih 200 judul buku tentang biografi Rasulullah s.a.w yang ditulis dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Indonesia.

Satu hal yang menjadi lebih menarik lagi sebahagian besar buku-buku tentang riwayat hidup Rasulullah s.a.w dalam segala isu yang berkaitan dengannya adalah sumbangan dan koleksi Allahyarham Abdul Karim Abdullah seorang penulis dan pendokumentasi sastera dan budaya yang gigih.

Beliau meninggal dunia pada 5 Februari 2001.

Persoalannya, siapakah atau masjid manakah di negara ini yang akan meneruskan tradisi yang dicetuskan oleh Masjid Tun Aziz ini.

Apa yang dimulakan oleh Allahyarham sewajarnya diteruskan oleh individu atau masjid lain di negara ini untuk mencetuskan budaya ilmu dan budaya

hammad oleh Maulana Muhammad Ali(1992); *Muhammad the Prophet* oleh Sirdar Ikbal Ali Shah(1992); *Muhammad: Messenger of Allah* oleh Syaikh Abdal Qadir AS-Sufi Al-Murabit(1992); *Muhammad The Best of Humanity* oleh F.M Nadeem Bari; *The Life of Muhammad* oleh Muhammad Husein Haykal(1993); *The Life of the Prophet* oleh Abu Muhammad Abdal Malik Hisham (1990); *Who Was Mohammed* oleh Saffar Hosain (1979); *Muhammad His Life Based On The Earliest Source* oleh Martin Lings (Abu Bakar Sirajuddin) dan *Muhammad: His Life and Mission* (sekadar menyebut beberapa judul).

Begitu juga buku-buku yang ditulis dalam bahasa Arab. Ia banyak diterbit dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan ada di Indonesia, Singapura, Brunei dan sebagainya.

Di samping itu buku-buku tentang Sirah Nabi Muhammad s.a.w banyak juga ditulis dalam bahasa-bahasa lain di dunia mengikut keperluan sesuatu bangsa itu.

Bagaimanapun terdapat sebuah buku sirah Rasulullah s.a.w yang ditulis dalam bahasa Tamil oleh Syeikh Omar Syeikh Muhammad Ali dalam empat buah jilid yang diterbitkan di Madras, India.

Syeikh Omar merupakan tokoh pendakwah yang berasal dari rantau Arab dan berhijrah ke India beratus-ratus tahun lampau. Naskhah buku Sirah Rasulullah s.a.w yang terdiri daripada

s.a.w dan itulah sebabnya sirah hidup sentiasa seronok didengar daripada penceramah atau dibaca daripada buku-buku sirah atau sejarah hidup Rasulullah s.a.w.

empat jilid ditulis dalam bahasa Tamil yang tinggi nilai sastera, sufi dan kerohaniannya selain berbeza dengan kaedah penulisan buku-buku sirah Rasulullah yang lain. Naskhah buku ini sukar ditemui di Malaysia mahupun di India.

Menurut Syed Salim Mohammad Yussof, pengurus penerbit Goal Intelligent Publishing Sdn.Bhd., beliau memperoleh empat jilid buku itu sesudah menemui salah seorang imam masjid Kapitan Kling di Pulau Pinang.

Kata Syed Salim, buku berkenaan mempunyai nilai ilmu yang cukup tinggi dan perlu didedahkan kepada umat Islam di negara ini yang mungkin tidak pernah menemui teks klasik ini.

Justeru dicadangkan agar Pusat Islam atau Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) atau sesiapa juga yang prihatin agar menterjemahkan buku ini dalam bahasa Melayu untuk diketahui oleh masyarakat Islam di negara ini.

Menurut Syed Salim lagi, pengarang buku tersebut iaitu Syeikh Omar Syeikh Muhammad Ali merupakan pengarang dan syeikh yang hebat kerana dalam usianya 14 tahun sudah boleh menewaskan penyair Hindu di hadapan seorang

raja Hindu di India ratusan tahun yang silam.

Bapanya berhijrah dari rantau Arab untuk berdakwah mengembangkan agama Islam di benua kecil India.

Empat jilid buku *Sirah Rasulullah* s.a.w dalam bahasa Tamil ini digunakan dalam pengajaran di madrasah atau institusi pengajian Islam milik India Muslim mahupun di institusi pengajian tinggi di India.

Buku ini ditulis dalam bentuk prosa dan puisi jarang-jarang terdapat dalam mana-mana tamadun dunia dan sewajarnya digerakkan usaha-usaha agresif pihak Jakim, Pusat Islam, Persatuan India Muslim, Liga Islam dan seumpamanya untuk menterjemahkan buku ini agar mutiara dan permata fikiran buku itu lebih tersebar luas ke dalam masyarakat Malaysia.

DR.TALIB SAMAT ialah Pensyarah Kanan, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).